



KAMARUDIN menyempurnakan pelancaran Model Alumni Inspirasiku 1.0.

Pusat Alumni UMS lancar Model AI 1.0

UB 23.1.18 A2

KOTA KINABALU: Pusat Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini melancarkan Model Alumni Inspirasiku (AI 1.0) yang bakal menjadi medium perantara bagi alumni UMS untuk saling berhubung dan mengenali serta membantu dalam menjayakan program yang dirancang sepanjang tahun.

Pengarah Pusat Alumni UMS Darwis Awang ketika menyampaikan taklimat berkenaan model itu menjelaskan, Model AI 1.0 dilihat mampu mencetus satu tindakan dalam memartabatkan Alumni UMS yang kini berjumlah 61,536 melalui keterlihatan dan penglibatan para alumni.

"Melalui model ini juga, para alumni UMS boleh memasarkan kepakaran mereka melalui Web Alumni, serta meluaskan jaringan dan membangunkan jenama sendiri melalui UMS," katanya.

Tambah beliau, Model AI 1.0 itu dijangka memberi hasil dalam meningkatkan Alumni UMS dari segi keterlihatan, keterlibatan, imej ikon dan imej sosial serta membantu UMS dalam meningkatkan status tersendiri di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin memuji inisiatif Model AI 1.0 dilihat sebagai satu sistem



KAMARUDIN ketika berucap merasmikan majlis.

yang membantu perhubungan dengan alumni-alumni UMS.

"Ini satu perkembangan positif dengan alumni UMS dapat dilibatkan untuk memberi idea dan inspirasi untuk memacu kecemerlangan universiti.

"UMS juga akan melaksanakan rombakan terhadap kurikulum universiti agar pengajaran dan pembelajaran lebih relevan dan mempunyai elemen kontemporari, sekali gus memberi pengalaman baik buat para mahasiswa serta mendorong mereka untuk kembali ke universiti apabila bergelar alumni kelak," katanya ketika berucap menyempurnakan pelancaran

Model AI 1.0 dan Temu Mesra Alumni (Kakitangan) UMS.

Beliau turut berharap agar dekan-dekan dan ketua jabatan dapat memberikan kerjasama penuh dalam menjayakan Model AI 1.0 yang mampu membantu mempergiatkan usaha untuk mengeratkan silaturahim bukan sahaja dalam kalangan 498 staf UMS tetapi juga mengumpul rakan-rakan alumni yang berada di luar perkarangan universiti.

Turut hadir pada majlis itu, Presiden Pertubuhan Alumni UMS Dato' Dr Hj Janathan Kandok dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS Prof Dr Ismail Ali.